

**TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA  
DI BATU PAHAT  
DI NEGERI JOHOR MALAYSIA  
TUNTUTAN NO. TPM-J-(P)-278-2021**

**ANTARA**

**NGUAI CHEE FAT ... PIHAK YANG MENUNTUT  
DAN**

**MYOPAL SERVICES SDN. BHD. ... PIHAK PENENTANG**

**ALASAN PENGHAKIMAN**

**Latar Belakang Tuntutan**

Tindakan ini telah difaikkan oleh Pihak Yang Menuntut (PYM) terhadap Pihak Penentang (PP) berikutnya isu waranti lanjutan ('*extended warranty*') ("Waranti Lanjutan") yang dibeli oleh PYM daripada Penentang terhadap keretakan silinder enjin kenderaan terpakai Mercedes Benz E 250 dengan nombor pendaftaran KBL 9 ("Kenderaan tersebut") yang telah dibeli oleh PYM setelah lebih kurang tiga (3) penggunaan Kenderaan tersebut. Pada ketika keretakan silinder enjin tersebut diketahui, Waranti Lanjutan tersebut masih berkuatkuasa.

Tuntutan PYM adalah bagi jumlah RM 12,000.00 mengikut sebutharga yang diberikan oleh Penentang sekiranya gantian keseluruhan enjin dibuat.

Penentang telah menolak tuntutan PYM terhadap Waranti Lanjutan tersebut di atas sebab bahawa Waranti Lanjutan tersebut terbatal kerana keretakan silinder enjin Kenderaan tersebut berpunca daripada rembesan air atau “water seepage” yang mengakibatkan air memasuki ruang silinder dan apa-apa kerosakan yang berpunca daripada “water seepage” adalah dikecualikan daripada Waranti Lanjutan tersebut.

Penentang juga menimbulkan isu bahawa bengkel kereta Matrix Skypower Auto Services Sdn. Bhd. (“Bengkel Panel”), yang merupakan panel bengkel kereta Penentang adalah milik PYM bersama keluarga PYM. Penentang menyatakan terdapat suatu konflik di dalam tuntutan PYM Kenderaan tersebut telah diperiksa oleh Bengkel Panel tersebut.

Permohonan bagi mendapatkan Waranti Lanjutan tersebut telah dibuat melalui emel oleh Bengkel Panel tersebut bersama 2 keping gambar enjin Kenderaan tersebut. Penentang kemudiannya telah menolak permohonan tersebut di atas sebab keretakan silinder enjin adalah berpunca daripada rembesan air atau “water seepage” yang memasuki ke dalam silinder enjin.

### **Isu**

Samada PYM berhak kepada Waranti Lanjutan tersebut yang telah diakujanji oleh Penentang melalui sijil waranti yang dikeluarkan?

## **Keputusan**

Setelah mendengar kenyataan wakil Penentang dan PYM sendiri, dan setelah meneliti dokumen-dokumen yang telah diserahkan sebagai bukti, Tribunal mendapati bahawa PYM telah memohon untuk mendapatkan Waranti Lanjutan bagi keretakan silinder enjin Kenderaan tersebut melalui panel bengkel yang ditauliah oleh Penentang. Samada panel bengkel tersebut adalah milik PYM atau keluarga PYM tidak menjadi isu di atas sebab Bengkel Panel tersebut adalah merupakan suatu bengkel sendirian berhad yang dilantik oleh Penentang. Sebagai syarikat sendirian berhad, pemilik dan syarikat seharusnya dibezakan melalui Seksyen 20 (a) Akta Syarikat 2016, seperti berikut –

### ***“Entiti Undang-Undang yang Berasingan***

20. *Sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta ini ialah suatu pertubuhan perbadanan dan hendaklah –*

(a) *mempunyai keperibadian undang-undang yang berasingan daripada keperibadian anggotanya; dan ...”*

Tribunal juga, menurut terma dan syarat Waranti Lanjutan tersebut, mendapati bahawa Waranti Lanjutan yang ditawarkan kepada PYM adalah termasuk enjin Kenderaan tersebut yang meliputi maksud silinder enjin.

Keputusan menolak permohonan Waranti Lanjutan oleh Penentang terhadap keretakan silinder enjin di atas sebab rembesan air atau “water seepage” hanyalah berlandaskan dua (2) keeping gambar yang

diserahkan oleh Panel Bengkel tersebut. Dari keterangan pihak-pihak tiada wakil Penentang hadir untuk membuat pemeriksaan menyeluruh terhadap kerrosakan Kenderaan tersebut. Andaian Penentang terhadap punca keretakan silinder enjin tidak boleh dijadikan suatu fakta kukuh tanpa pemeriksaan menyeluruh oleh Penentang dengan kehadiran PYM.

Oleh yang demikian, Tribunal membuat keputusan seperti berikut –

**Penentang hendaklah menggantikan enjin Kenderaan tersebut menurut Waranti Lanjutan atau sekiranya enjin tersebut telah diganti oleh PYM, Penentang hendaklah membayar jumlah kos gantian enjin setakat had tahunan yang dibenarkan di dalam Waranti Lanjutan Kenderaan tersebut di dalam tempoh 14 hari daripada tarikh award.**

Bertarikh 8 Februari 2022

T.T

**MOHD ZAHIRULLAH BIN MOHD TAIB**

Presiden Tribunal Tuntutan Pengguna  
Malaysia